

**NO. SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN MALEK [ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 13**

**Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah berkesan untuk memastikan Penjawat Awam mempunyai pengetahuan jitu mengenai **INTEGRITI** dan **PATRIOTISME** dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka terhadap Kerajaan yang memerintah. Apakah kursus-kursus yang telah disusun atau dirancangkan serta kekerapan penjawat berkursus.

Tuan Yang Dipertua,

Sesungguhnya, integriti dan semangat patriotisme merupakan prasyarat dan landasan yang kukuh untuk sesebuah negara mencapai kemajuan dan mempertingkatkan daya saing yang diinginkan. Atas kesedaran ini, maka usaha gerakan pemantapan integriti dan semangat patriotisme khususnya kepada penjawat awam adalah penting. Hanya dengan mengamalkan integriti dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan penjawat awam, maka kepentingan umum dan negara lebih diutamakan berbanding dengan kepentingan diri.

Dalam menerapkan integriti dan semangat patriotisme dalam kalangan penjawat awam, beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Biro Tatanegara (BTN) telah diamanahkan untuk menjalankan pelbagai jenis pendekatan, fungsi dan program bagi maksud tersebut.

JPA melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah berjaya melaksanakan sebanyak 57 kursus dan bengkel integriti sejak Januari 2014 hingga 8 Oktober 2015. Manakala sembilan (9) kursus akan dilaksanakan sebelum tahun 2015 berakhir.

INTAN turut menganjurkan beberapa program bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan penjawat awam di seluruh negara. Antara program yang dianjurkan pada tahun 2014 dan 2015 ialah Karnival Patriotisme dan Seminar Kelestarian Keselamatan Negara. Bagi Seminar Kelestarian Keselamatan Negara, sebanyak enam (6) siri telah dianjurkan.

Untuk makluman, JPA turut mewajibkan kepada pegawai kerajaan di peringkat awal pelantikan mengikuti Program Transformasi Minda (PTM). PTM juga merupakan salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan. Pelaksanaan PTM ini dikendalikan sendiri oleh kementerian dan agensi berkaitan. Modul PTM yang berkaitan dengan elemen kenegaraan memberi penekanan melalui Segmen 1: Negara dan Perkhidmatan Awam. Manakala, elemen integriti pula ditekankan melalui Segmen 2: Tanggungjawab dan Peranan Pegawai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) turut mengadakan beberapa jenis program latihan kepada penjawat awam dalam menjadikan integriti sebagai budaya kerja dengan memberi penekanan kepada pengamalan nilai-nilai murni seperti jujur dan amanah.

Dari Januari 2015 sehingga kini, INTEGRITI dengan kerjasama kementerian dan agensi yang terbabit telah melaksanakan sebanyak 43 siri Kursus Pembangunan Individu & Organisasi Berintegriti (PIOB), 217 siri Seminar Integriti Warga Pendididik (SIWP), dan 40 siri Seminar Integriti Khas Anggota Pelaksana (SIKAP).

Bagi melahirkan penjawat awam yang mempunyai semangat patriotisme pula, BTN telah menggunakan pelbagai kaedah seperti Program Transformasi Perdana, Program Transformasi Negara, Program Susulan, Program Membina Sahabat, Program Peningkatan Profesionalisme Pegawai, Program Khas Konvensyen, Seminar Cinta Negara, dan Seminar Gagasan 1Malaysia.

Pada tahun 2015 (Januari-September) sebanyak 405 Latihan Transformasi Negara (LTN) telah dilaksanakan dan melibatkan seramai 58,092 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam dan pendidik dari pelbagai peringkat jawatan dan lapisan umur serta latar belakang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, kursus sebenarnya hanyalah sebahagian daripada usaha kerajaan dalam memastikan penjawat awam berintegriti dan mempunyai semangat patriotisme. Terdapat pelbagai pendekatan lain yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi mencapai maksud tersebut. Antaranya ialah dengan mewajibkan semua agensi kerajaan mewujudkan Unit Integriti (2013). Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Ianya juga bertujuan untuk membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Bagi melestarikan integriti di kalangan penjawat awam, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014 berkuatkuasa pada 3 Jun 2014 yang mewajibkan pelaksanaan JITU di kesemua Kementerian serta agensi di bawahnya, agensi-agensi di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan. JITU menggalakkan pembudayaan integriti dalam pekerjaan seharian yang mana penjawat awam perlu proaktif dan kreatif dalam mencari penyelesaian kepada sesuatu masalah mengikut enam (6) terma rujukan yang telah ditetapkan:-

1. Dasar dan Perundangan
2. Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan
3. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan
4. Pembudayaan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika
5. Pengurusan Pelanggan
6. Membina Permuafakatan Integriti dengan Pihak Berkepentingan

Secara tidak langsung, dengan pelaksanaan JITU ini, dari masa ke semasa akan mendidik penjawat awam menjadi lebih bertanggungjawab, proaktif dalam menyelesaikan masalah serta yang paling penting lebih berintegriti dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.